

Banjir di UniSZA akan diatasi segera

Kuala Terengganu: Banjir di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak yang berlaku setiap kali musim tengkujuh akan ditangani dengan segera.

Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Yahaya Ibrahim, berkata masalah itu akan diselesaikan secepat mungkin bagi mengelak sebarang kerugian harta universiti.

"UniSZA terletak di atas kawasan tanah rendah menyebabkan setiap kali musim tengkujuh, kawasan ini pasti dinaiki air," katanya pada sidang media selepas perjumpaan dengan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) di Kampus Gong Badak, di sini.

Turut hadir, Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Abdul Hakim Abdullah.

Lantik perunding

Yahaya berkata, untuk tujuan itu, pihak UniSZA akan melantik perunding bertauliah untuk membuat penilaian dan mengemukakan cadangan supaya dapat mengelakkan kejadian seumpama ini berulang.

Sementara itu, pada perjumpaan berkenaan, beliau turut mencadangkan Bahagian HEPA menyelesaikan masalah penginapan pelajar dengan mencari rumah atau bangunan kosong yang sesuai untuk dijadikan asrama luar kampus.



Prof Yahaya **beramah mesra** dengan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA) UniSZA, di Kampus Gong Badak. [FOTO MURNI SULONG/BH]

"Ia bagi memberi kemudahan kepada pelajar sekali gus memudahkan pihak pengurusan pelajar membuat pemantauan dari semasa

ke semasa.

"Apabila pelajar ini tinggal dalam satu kelompok, ia memudahkan kita untuk membuat

pemantauan dan mengurangkan kejadian yang tidak diinginkan melibatkan pelajar yang tinggal di luar kampus," katanya.

22/1/13 BH N6